

UiTM HARI INI DALAM SEJARAH

25 MEI 2022

PERASMIAN BANGUNAN JABATAN ARKIB UNIVERSITI

Pada 25 Mei 2022, Jabatan Arkib Universiti di Kompleks Kenanga telah dirasmikan oleh YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor UiTM. Setelah 21 tahun bertapak di Dewan Seri Budiman, Jabatan Arkib Universiti telah berpindah ke bangunan baharu di Kompleks Kenanga. Bangunan dua tingkat ini menempatkan rekod-rekod penting UiTM yang bernilai arkib dan boleh dirujuk oleh warga UiTM.



YBhg. Datuk Naib Canselor pada Majlis Perasmian Bangunan Jabatan Arkib Universiti dengan diiringi oleh Encik Jamalludin Sulaiman, Ketua Pustakawan UiTM dan Encik Ahmad Amiri Mohamad, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan (Ketua Jabatan Arkib Universiti).



YBhg. Datuk Naib Canselor menandatangani plak perasmian diiringi oleh Encik Ahmad Amiri Mohamad, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan (Ketua Jabatan Arkib Universiti).



YBhg. Datuk Naib Canselor melawat pameran sejarah UiTM dengan diiringi oleh Ketua Pustakawan UiTM.



YBhg. Datuk Naib Canselor bersama barisan pengurusan eksekutif dan pengurusan kanan UiTM serta tetamu yang hadir menyaksikan montaj pelancaran dua sistem yang dibangunkan menggunakan tenaga dalam PTAR iaitu Sistem Pengurusan Arkib dan Repositori Minda Naib Canselor.

Rujukan:

- (2022). Koleksi Gambar Jabatan Arkib Universiti. Universiti Teknologi MARA.